

Penghasut harus disingkir

16 MAR 1992

KUALA LUMPUR, Ahad — Pemimpin yang memeralatkan persatuan pengguna untuk tujuan lain daripada kepenggunaan, termasuk menghalang pembangunan dan memburukkan nama negara, harus disingkirkan segera.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kegiatan pemimpin sedemikian mencemar dan merosakkan kewibawaan dan keberkesanan persatuan pengguna.

“Ada persatuan pengguna yang menghasut rakyat supaya menghalang pembangunan kononnya kerana akan mencemar alam sekitar. Ada persatuan yang sanggup mene-

rima bantuan luar untuk memburukkan nama negara,” katanya melancarkan Hari Pengguna Sedunia di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Menjelaskan perkara itu, Dr Mahathir berkata, kerajaan sedar ada pemimpin persatuan pengguna menerima bantuan luar negara.

“Umpamanya, ada satu persatuan pengguna pergi ke Langkawi untuk menghasut penduduk supaya menghalang pembangunan kerana kononnya ia mencemar alam sekitar.

“Kita tahu pembangunan Langkawi membawa banyak kebaikan kepada penduduk Langkawi. Yang dimaksudkan oleh

persatuan ini ialah supaya mereka di Langkawi dapat memeras agut pihak yang ingin membangunkan Langkawi.

“Ini bukan satu tindakan yang baik kerana ia menyebabkan sara hidup meningkat berikutan masalah yang sepatutnya tidak ada dalam pembangunan kini sudah ada. Untuk menyelesaikan masalah itu, wang mesti dibelanjakan untuk menutup mulut orang yang tidak ada sebab untuk membuat desakan,” katanya.

Perdana Menteri menegaskan hanya persatuan pengguna yang bertanggungjawab dapat melindungi pengguna serta berhati-hati dan jujur dalam setiap tindakan mereka.
